

TEKANAN PEKERJAAN DAN PUNCA-PUNCA
TEKANAN PEKERJAAN GURU-GURU
SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

MOHD. SALAMUN BIN MARJUNIT

UNIVERSITI MALAYA
SESI 1998/1999

105054



105054

ABSTRAK

Kajian berjudul Tekanan Pekerjaan dan Punca-punca Tekanan Kerja Guru-guru Sekolah Rendah ini dijalankan bertujuan untuk melihat setakat mana fenomena tekanan pekerjaan terdapat pada guru-guru sekolah rendah di Malaysia. Punca-punca tekanan yang dikenal pasti dimasukkan ke dalam soal selidik yang berbentuk survey untuk dijawab sendiri oleh guru-guru. Tekanan pekerjaan guru ini kemudiaannya dihubungkan dengan kepuasan kerja dan hasrat kerjaya guru-guru tersebut dengan menggunakah analisis r Pearson. Taburan tekanan pekerjaan guru dilihat berdasarkan kelompok demografi jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan status perkahwinan. Hubungan punca-punca tekanan dengan faktor-faktor demografi ini dibuat secara perbandingan menggunakan ujian T.

1. PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Tekanan atau istilah Inggerisnya **stress** (selepas ini perkataan tekanan sahaja) telah menjadi satu fenomena kehidupan dewasa ini. Tekanan didapati dalam pelbagai bentuk dan dalam pelbagai bidang pekerjaan tanpa mengira peringkat umur dari peringkat remaja hingga pesara atau mereka yang telah lanjut usia. Majalah Time keluaran Jun 1983 telah membuat liputan hadapan dengan merujuk tekanan sebagai "Epidermik tahun 80-an".

Kajian-kajian selanjutnya menunjukkan peningkatan yang berterusan terhadap hal ini. Dalam tahun 1992 pula Bangsa-bangsa Bersatu melabelkan tekanan sebagai "Penyakit Abad kedua puluh". Baru-baru ini pula Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa tekanan telah menjadi epidermik sejagat. Di Amerika, tekanan pekerjaan telah menjadi sumber utama tekanan yang paling ketara. Hal ini telah menyebabkan industri di Amerika Syarikat membelanjakan US\$200 hingga

US\$300 bilion setahun terhadap akibat fenomena tekanan pekerjaan seperti ketidakhadiran, kehilangan produktiviti, perpindahan pekerja, kemalangan, perubatan, perundangan, yuran insurans pampasan pekerjaan dan sebagainya.

Sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan untuk melihat kaitan antara pekerjaan guru dengan tekanan yang dirasakan. Keadaan ini sebenarnya telah dapat dikesan kehadirannya oleh Waller(1932) yang berpendapat bahawa pada asasnya bidang pengajaran adalah sesuatu yang menimbulkan konflik. Berlack and Berlack(1981) menyatakan bahawa kerjaya perguruan menimbulkan dilema dan Haergreaves(1988) mengatakan bahawa kerjaya ini mempunyai pelbagai kekangan yang di luar kawalan peribadi guru itu sendiri.

Kajian-kajian juga telah menunjukkan yang guru-guru menghadapi tekanan yang tinggi dalam pekerjaannya. Hal ini boleh dikaitkan dengan persekitaran pekerjaan guru itu sendiri. Keseriusan fenomena ini dapat dilihat dengan bertambahnya kajian tentang tekanan(stress) dan kelelahan(burn-out) di kalangan guru di beberapa bahagian dunia (Kyricou, 1987).

Menurut kamus perubatan Webster(1987) tekanan merupakan stimulus psikologi yang mengakibatkan ketegangan

dan ketidakseimbangan individu. Oleh itu pelbagai faktor yang terlalu mengharap daripada pelbagai sumber terhadap pekerjaan guru telah menimbulkan konflik dalam pekerjaan guru (Wilkinson, 1988). Dengan pertambahan kesedaran terhadap kehidupan yang sejahtera dan persekitaran yang sihat, tekanan dan kekecewaan boleh menjadi penyumbang utama kepada penyakit yang serius seperti penyakit jantung (McEwen and Thomson, 1997).

Fenomena ini telah dirasakan wujudnya dalam kerjaya keguruan. Malaysia. Sejak kebelakangan ini guru di Malaysia sering dikritik kerana dikatakan tidak mencapai tahap pencapaian perkhidmatan yang diharapkan. Hal ini berkemungkinan boleh menjejaskan guru-guru sama ada dari segi perlakuan atau emosi. Terdapat laporan tentang kes-kes gangguan mental guru-guru di negara ini (New Straits Time, 30 Mac 1990). Pernyataan diperolehi berikutan dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan sendiri pada tahun 1990 yang melaporkan bahawa 169 Orang guru mengalami kes "psychosis" dan 1119 orang pula mengalami "neurosis" Jumlah ini melibatkan 0.72 peratus guru di Malaysia ketika itu. Bagi Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, hal-hal tersebut berlaku diakibatkan oleh perubahan yang mendadak